



SIARAN AKHBAR

UNTUK SIARAN SEGERA

SME CORP. MALAYSIA HASIL KIT PANDUAN BIMBING USAHAWAN

Kuala Lumpur, 2 Mac 2017 – SME Corp. Malaysia, selaku Agensi Penyelaras Pusat PKS Malaysia, bakal menerbitkan drama mini bersiri sebagai satu kit panduan buat usahawan baharu dan mikro di Malaysia. Inisiatif ini adalah sejajar dengan tahun 2017 sebagai tahun permulaan perniagaan dan mempromosikan PKS.

Drama mini bersiri ini merupakan salah satu inisiatif SME Corp. Malaysia di dalam menyampaikan maklumat untuk menarik minat serta mengalakkan lebih ramai lagi rakyat Malaysia, khususnya belia, menjadikan bidang perniagaan sebagai salah satu pilihan kerjaya untuk diterokai. Ia bertujuan untuk memberikan panduan serta merupakan salah satu platform untuk menyalurkan maklumat mengenai program dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan kepada PKS, di samping memuatkan pelbagai informasi berguna kepada PKS di dalam mengembangkan lagi perniagaan mereka.

YB Datuk Ahmad Maslan, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) ketika merasmikan Majlis Pra-Pelancaran Drama Mini Bersiri tersebut hari ini menyifatkan, penerbitan video kapsul ini tepat pada masanya kerana drama ini bakal menjadikan media sosial sebagai platform penyebaran dan seperti semua sedia maklum ianya yang sangat efektif pada masa kini. Di samping itu, dengan terbitnya drama mini bersiri seperti ini, Kerajaan juga ingin melihat peningkatan bilangan usahawan yang signifikan di Malaysia pada tahun ini. Menyedari akan kepentingan sumbangan PKS kepada ekonomi dan KDNK negara, Kerajaan akan terus memberikan

bantuan dan insentif yang efektif di dalam memastikan kelangsungan industri PKS di Malaysia.

Dengan adanya bahan penerbitan seperti drama mini bersiri ini, ianya dapat memberikan gambaran dan mesej yang lebih jelas tentang fungsi serta peranan Kementerian dan Agensi di dalam pembangunan PKS di Malaysia. Drama mini bersiri ini akan dapat ditonton oleh orang ramai pada bulan Mei 2017 melalui platform media sosial yang akan diumumkan kelak.

Pada majlis yang sama. YBhg. Datuk (Dr.) Hafsa Hashim, Ketua Eksekutif SME Corp. Malaysia turut bertukar Memorandum Persefahaman (MoU) bersama-sama dengan YBhg. Datuk Rosyam Nor, Pengarah Urusan Suhan Movies & Trading Sdn Bhd sambil disaksikan oleh YB Datuk Ahmad Maslan dan YBhg. Tan Sri Ir. (Dr.) Mohamed Al Amin Haji Abdul Majid. Pertukaran MoU ini adalah simbolik kepada kerjasama yang terjalin di antara SME Corp. Malaysia dan Suhan Movies & Trading Sdn Bhd di dalam penerbitan drama mini bersiri Chor & Chah ini.

YBhg. Datuk Rosyam Nor berharap gandingan SME Corp. Malaysia dan Suhan Movies di dalam penerbitan drama mini bersiri ini akan mencapai matlamat untuk meningkatkan kesedaran masyarakat berkenaan program Pembangunan PKS yang ditawarkan oleh pelbagai Kementerian dan Agensi. Beliau memuji inisiatif tersebut serta turut mengakui bahawa usaha yang ditonjolkan oleh SME Corp. Malaysia ini perlu diterima baik oleh para usahawan kerana bahan rujukan seperti ini mampu membawa perniagaan mereka pergi lebih jauh

Di majlis tersebut, barisan tonggak utama yang menampilkan bakat-bakat besar seperti Shahrul Ridzuan, Ummi Nazeera, Hafreez Adam dan Luqman Hafidz turut diperkenalkan. Video kapsul ini akan diarahkan oleh Syed Hariz dengan skrip hasil tulisan Sharifah Abu Salim manakala Omar K dipertanggungjawabkan untuk menggubah lagu tema bagi drama mini bersiri Chor & Chah ini.

-TAMAT-

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Cik Amy Sarah Ahmad Fuad di 03-2775 6352 (amysarah@smecorp.gov.my) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 (muizzyusof@smecorp.gov.my).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA
(SME CORP. MALAYSIA)
Tingkat 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur

Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001
<http://www.smecorp.gov.my>
e-mail: info@smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.

-